

UCAPAN PERDANA MENTERI KETIKA MENG- GULUNG PERBAHASAN MENGENAI RAN- CANGAN MALAYSIA KEDUA DI DEWAN RAKYAT PADA 19^{HB} JULAI, 1971

Tuan Yang Dipertua,

Dalam menggulung perbahasan yang telah diadakan semenjak 12hb yang lalu dalam Dewan ini terhadap Rancangan Malaysia Kedua, saya suka mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, baik dari pihak Kerajaan dan juga pihak Pembangkang yang telah memberi sokongan di atas dasar-dasar dan tujuan-tujuan yang terkandung dalam Rancangan Malaysia Kedua ini.

Daripada pandangan-pandangan yang dikemukakan dalam perbahasan ini, nyatalah bahawa Dewan Rakyat ini, yang mewakili seluruh rakyat Malaysia adalah sependapat iaitu Rancangan Malaysia Kedua ini mengandungi Dasar Ekonomi Baharu Kerajaan akan dapat mengatasi masalah-masalah kemiskinan dan pengangguran dan masalah jurang perbezaan ekonomi di kalangan rakyat berbilang bangsa di negara kita.

Tuan Yang Dipertua,

Dalam memberi jawapan di atas beberapa pandangan-pandangan daripada Ahli Yang Berhormat, saya mohon izin, kadang-kadang bercakap dalam bahasa Inggeris untuk memberi fahaman terutama sekali kepada pihak parti Pembangkang.

Tuan Yang Dipertua,

Pada pandangan saya selain daripada mengeritik secara melulu pihak Pembangkang sendiri tidak dapat menunjuk cara-cara yang lebih baik daripada apa yang disebutkan dalam rancangan ini yang dapat dijalankan untuk membawa rakyat negara kita kepada kemajuan yang lebih besar dan lebih luas untuk mencapai matlamat membina satu masyarakat yang lebih adil dan saksama.

Perkara yang selalu dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah berucap ialah soal pelaksanaan. Di sini seperti yang telah saya terangkan pada ketika mengemukakan usul dahulu, Kerajaan telahpun menyediakan jentera pentadbiran yang baharu untuk menyelaraskan segala tenaga Kerajaan termasuklah

badan-badan yang telah ditubuhkan oleh Kerajaan, supaya mereka semua dapat menyatukan usaha dan tenaga menuju ke arah matlamat yang satu, dengan hati yang satu dan semangat yang sama.

Tuan Yang Dipertua,

Saya bersetuju sepenuhnya bahawa pelaksanaan merupakan anak kunci kejayaan Dasar Ekonomi Baharu Kerajaan untuk membasmikan kemiskinan dan menyusun semula masyarakat negara ini. Ada setengah-setengah dari Ahli-ahli Yang Berhormat di sini yang menyatakan kebimbangan mereka tentang pelaksanaan Rancangan Malaysia Kedua, sementara mengakui bahawa matlamat-matlamatnya adalah baik dan wajar, tetapi Kerajaan tidak akan menjalankannya dengan adil.

Saya mengulangi lagi jaminan kepada Dewan ini iaitu dalam melaksanakan dasar-dasar dan rancangan-rancangan yang terkandung dalam Rancangan Malaysia Kelua, Kerajaan akan sentiasa berlaku tegas, adil dan saksama. Oleh itu, Ahli-ahli Yang Berhormat janganlah bimbang kerana Kerajaan berpegang teguh kepada prinsip-prinsip Rukunegara. Tambahan pula negara kita masih kaya dengan kekayaan alam, yang mana kalau digunakan dan dimajukan dengan sebaik-baiknya akan dapat bersama-sama dinikmati dengan saksama oleh semua rakyat.

Akan tetapi, kejayaan rancangan-rancangan ini adalah bergantung kepada sikap rakyat dan kesanggupan mereka menerima dugaan-dugaan. Kita mestilah berani mengubah hidup mereka itu daripada hidup yang saya katakan "kais pagi makan pagi" atau "subsistence economy" kepada hidup yang modern. Mereka mestilah juga faham dan mengetahui bahawa usaha-usaha yang dikehendaki mereka itu menjalankan bukan sahaja untuk memenuhi keperluan hidup bahkan untuk membolehkan mereka mempunyai wang dan pendapatan yang cukup bagi menikmati kemudahan hidup yang lebih baik dan lebih sempurna menurut zaman modern.

Usaha-usaha dengan menggunakan alat-alat modern mestilah dapat memberi mereka itu pendapatan yang lebih tinggi dan pendapatan ini pula mestilah diguna dan disimpan sebahagiannya untuk menambahkan lagi sumber mata pencarian mereka itu. Ini bermakna satu daripada perkara-perkara yang dikehendaki dari mereka itu ialah semangat ingin menyimpan wang atau thrift

supaya dengan wang simpanan itu mereka boleh mengambil bahagian dalam lapangan perusahaan untuk menjamin pendapatan dan hasil yang lebih tinggi lagi.

Dengan sebab itu, saya telah terangkan kita hendak mesaimbangkan ekonomi antara pihak yang berada dengan yang tak berada antara semua kaum dan di samping itu memberi peluang-peluang yang lebih luas kepada orang-orang Melayu dan ahli-ahli Bumiputra yang lain bukan semata-mata dengan tujuan membawa mereka itu ke bandar-bandar untuk bekerja dalam kilang-kilang dan gedung-gedung perusahaan bahkan lebih penting lagi, ialah untuk memodernkan cara hidup mereka di kampung-kampung dan di luar-luar bandar supaya dengan pendapatan yang lebih tinggi itu mereka dengan sendirinya dapat menceburkan diri dalam lapangan perniagaan.

Ini bermakna bukan sahaja mustahak mereka itu menukar cara bekerja bahkan bersedia pula menggunakan alat-alat modern dan mereka mestilah mempunyai sikap yang baharu dan nilai-nilai baharu yang dikehendaki bagi masyarakat modern dan maju.

Di sini, Tuan Yang Dipertua, saya suka menjawab pandangan Ahli Yang Berhormat dari Kota Bharu Hulu¹ di atas perkara ini. Beliau mengatakan saya hanyalah berkehendakkan orang-orang Melayu terutama, belia-belia pergi ke bandar-bandar bekerja di kilang-kilang dan gedung-gedung perniagaan sementara membiarkan kampung-kampung dan luar-luar bandar didiami oleh orang-orang tua dan tidak sasa. Malangnya, Ahli Yang Berhormat itu tidak memetik ucapan saya dengan sepenuhnya dan pula Ahli Yang Berhormat tidak mengemukakan apa-apa idea baharu tetapi cuma meminjam idea dari Kerajaan sendiri yang terkandung dalam Rancangan Malaysia Kedua. Dia cuba ambil sana sedikit dan sini sedikit dengan tidak menyemak Rancangan ini dari semua segi.

Ahli Yang Berhormat itu cuba hendak menunjukkan ada perbezaan di antara percakapan-percakapan yang dikeluarkan oleh Menteri-menteri, Diambilnya sekerat dari cakapan Menteri itu dan sekerat dari Menteri ini, sekerat cakapan dari saya sendiri dan sekerat cakapan dari Menteri dengan Tugas-tugas Khas dan mengatakan ada perbezaan di antara cakapan saya berdua. Dengan itu ada perbezaan dalam dasar yang dikemukakan oleh Kerajaan.

¹ Y.B. Datuk Haji Mohd. Asri bin Haji Muda.

Saya suka menasihatkan Ahli Yang Berhormat itu supaya tak usahlah merugikan masa berbuat demikian. Kalau tak ada idea tak ada modal sendiri yang constructive, tak usahlah hendak cuba menimbulkan perbezaan di antara ahli-ahli Kerajaan.

Dasar Ekonomi Baru yang dikemukakan oleh Kerajaan dan Rancangan Malaysia Kedua yang saya kemukakan ini adalah dasar yang telah digubahkan oleh Kerajaan yang saya pimpin pada hari ini, dan dasar ini telah dipersetujui dengan sebulat suara dan sepenuh-penuhnya oleh Menteri-menteri dalam Kerajaan Perikatan pada hari ini. Oleh itu, apa yang terkandung dalam Dasar Ekonomi Baru dan dalam Rancangan Malaysia Kedua ini ialah dasar Kerajaan yang saya pimpin pada hari ini dan tidaklah berbelah bagi antara mana-mana pihak. Saya nasihatkan Ahli Yang Berhormat itu kalau Parti PAS tidak ada apa-apa modal yang baru, sokong sajalah Dasar Ekonomi Baru Kerajaan untuk kepentingan rakyat seluruhnya khasnya untuk orang-orang Melayu dan ahli-ahli bumiputra.

Tuan Yang Dipertua,

Ahli Yang Berhormat dari Kota Bharu Hulu juga menyebut iaitu bentuk struktur atau penyusunan baharu ini tidak membawa sifat-sifat pembaharuan selain dari menambahkan peluang-peluang di bidang yang sama. Barangkali beliau itu sengaja kurang faham bahawa apa yang kita lakukan itu ialah proses mengingatkan kedudukan ekonomi ataupun "levelling-up" dengan menambahkan pendapatan golongan yang dulunya tidak berpeluang ataupun yang mempunyai pendapatan kecil, dan dengan secara beransur-ansur mereka dapat setanding dengan kedudukan golongan yang memang lumayan hidupnya.

Jadi, tidaklah payah kita mencari atau menentukan suatu ideoloji untuk menyandarkan usaha kita kerana saya percaya cara yang kita lakukan itu adalah yang sebaik-baiknya memandangkan kepada keadaan yang ada di negara kita pada masa ini.

Tuan Yang Dipertua,

Rancangan Malaysia Kedua ini dengan jelasnya menerangkan cara-cara kita hendak menjalankan dasar untuk mengesambangkan ekonomi rakyat yang tidak berada dengan yang berada khasnya orang-orang Melayu dan ahli-ahli bumiputra dengan pihak-pihak yang lain, dan cara-cara kita hendak mengadakan satu kumpulan

perniagaan di kalangan orang-orang Melayu bukanlah semata-mata dengan cara membawa mereka itu ke bandar-bandar. Ini hanyalah sebahagian daripada usaha-usaha kita itu. Nyatalah, kalau mereka itu hendak mengambil bahagian yang sempurna dalam perniagaan dan perusahaan, mereka mustahaklah berada di bandar-bandar yang besar seperti Kuala Lumpur, Ipoh, Johor Bahru dan bandar-bandar yang lain. Tujuan kita ialah hendak memberi gambaran yang sempurna iaitu supaya dalam tiap-tiap lapangan perusahaan di negara kita, semua kaum adalah mengambil bahagian yang sewajarnya.

Dengan kata-kata lain, kalau orang-orang Melayu dan ahli-ahli bumiputra tidak dibawa ke bandar-bandar untuk mengambil bahagian dalam perniagaan dan perusahaan, tentulah mereka itu selama-lamanya tidak dapat menggunakan peluang yang sewajarnya dalam kedua-dua lapangan ini. Sebahagian daripada mereka itu tak dapat tiada akan tentu tinggal di kawasan-kawasan luar bandar, samada menjalankan perusahaan pertanian ataupun menjalankan perniagaan-perniagaan dengan adanya kawasan-kawasan perusahaan yang baharu dan bandar-bandar yang baru yang akan ditubuhkan berdekatan dengan bandar-bandar yang sedia ada. Ini tidak pula menafikan bahawa orang-orang bukan Melayu yang diam di kawasan-kawasan luar bandar dan bandar-bandar baharu yang akan didirikan turut mendapat munafaat yang sama dari perubahan-perubahan baharu itu.

Tuan Yang Dipertua,

Seperti saya katakan tadi, ini bermakna kita berkehendakkan rakyat di luar bandar itu mempunyai nilai-nilai kehidupan dan nilai-nilai ekonomi yang baharu dan modern. Jadi, cara kita hendak meninggikan taraf hidup orang-orang Melayu dan ahli-ahli bumiputra ialah seperti yang diterangkan dalam Buku Merah ini, dengan memodernkan cara kehidupan mereka itu supaya dengan perubahan-perubahan yang didatangkan itu mereka akan mengikuti cara hidup yang modern dan maju serta mempunyai sikap dan nilai hidup sesuai dengan aliran zaman modern ini.

Dan lagi adalah mustahak kita membawa sebahagian daripada orang-orang Melayu dan ahli-ahli bumiputra yang berada di kampung yang dulunya menjalankan kehidupan secara pertanian terutama sekali anak-anak mereka itu supaya menjalankan perusahaan dan perniagaan di bandar-bandar. Hanyalah dengan dua

cara ini kita akan dapat mencapai matlamat yang kita kehendaki. Tegasnya, kalamah urbanization ataupun pambandaran itu mempunyai dua objektif: pertama, memodernkan kehidupan di luar bandar dan menukar sikap rakyat, dan kedua, membawa mereka berusaha dalam lapangan industri dan perniagaan di bandar-bandar. Jadi, saya tidaklah bersetuju sama sekali dengan pendapat Ahli Yang Berhormat dari Kota Bharu Hulu itu yang mengatakan satu daripada mata serampang itu tawar besinya.

Tuan Yang Dipertua,

Ahli Yang Berhormat dari Kota Bharu Hulu juga berkata iaitu Kerajaan janganlah memanjakan rakyat tetapi hendaklah memberikan mereka kesedaran dan kesanggupan untuk menerima pembangunan dan perubahan sebagai satu infra-structure yang penting.

Ahli Yang Berhormat itu juga menuduh Kerajaan hanyalah semata-mata mengambil hati rakyat dan tidak mengajar mereka supaya sedar akan tanggungjawab mereka.

Saya telah terangkan bahawa salah satu daripada perkara-perkara yang penting dalam pelaksanaan rancangan pembangunan ialah kesedaran dan kesanggupan rakyat untuk menerima kemudahan-kemudahan yang mereka kehendaki. Pada masa-masa yang lampau pun, semasa Kerajaan melaksanakan rancangan pembangunan Luar bandar, saya sentiasa menggesa betapa mustahaknya rakyat mempunyai semangat baharu dan jiwa baharu; jiwa merdeka dan semangat berdikari.

Semua perkara ini Kerajaan peringatkan setiap masa kepada rakyat, akan tetapi satu halangan bagi menjalankan rancangan-rancangan pembangunan ialah cakapan-cakapan dan dakyah-dakyah dari Parti-parti Pembangkang terutama PAS. Saya tahu dalam pilihanraya-pilihanraya yang lalu pemimpin-pemimpin PAS mengatakan pembangunan tidak berguna kerana dunia ini ialah sementara dan akhirat saja yang kekal. Kekayaan dunia tidak berfaedah kerana kita tak boleh membawanya ke dalam kubur apabila mati kelak dan tak boleh dibawa ke akhirat iaitu tempat yang kekal. Percakapan-percakapan yang semacam inilah, Tuan Yang Dipertua, yang sebenar-benar menghalang kemajuan dan berlawanan dengan ajaran Islam yang sebenarnya.

Jadi, dalam hal ini, tak kenalah pada tempatnya Ahli Yang Berhormat itu hendak menyalahkan Kerajaan. Saya suka menasihatkannya eloklah beliau itu membaiki kedudukan partinya sendiri dan sedar bahawa tanggungjawabnya sendiri dan juga partinya tentang peri mustahaknya rakyat menukar sikap dan berlumba-lumba merebut peluang-peluang yang terbuka dengan luasnya dalam zaman pembangunan ini dan terutama sekali dengan adanya Rancangan Malaysia Kedua ini.

Tuan Yang Dipertua,

Tentang hasrat hendak memunculkan golongan kapitalis Melayu dan ahli-ahli bumiputra yang lain, Kerajaan sedar iaitu bagi melaksanakan tujuan hendak memberi peluang yang lebih luas kepada orang-orang Melayu dan ahli-ahli bumiputra di lapangan perusahaan dan perniagaan mustahaklah Kerajaan mengambil bahagian yang lebih berkesan dan secara langsung. Dengan sebab itu, kita telah menubuhkan perbadanan-perbadanan seperti PERNAS, MARA, UDA dan sebagainya dan begitu juga kita berharap Kerajaan-kerajaan Negeri yang telah menubuhkan perbadanan-perbadanan kemajuan mereka itu akan bersama-sama mengambil bahagian dalam lapangan perusahaan dan perniagaan.

Tujuan kita ialah bagi permulaan ini Kerajaan mengambil bahagian dahulu dalam perusahaan-perusahaan tertentu bagi pihak orang-orang Melayu dan bumiputra dan apabila perusahaan dan perniagaan itu maju, saham-saham akan dijual kepada orang-orang Melayu dan ahli bumiputra supaya perusahaan itu akan dapat dipunyai oleh mereka itu sendiri.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Bharu Hulu turut mencadangkan iaitu Kerajaan mengambil inisiatif membuka peluang dalam bidang perusahaan dan perniagaan. Yang sebenarnya inilah cadangan dan cita-cita Kerajaan supaya ajensi-ajensi yang ditubuhkan itu kelak akan menjadi milik rakyat.

Tuan Yang Dipertua,

Nampaknya dari hujah-hujah Yang Berhormat itu, beliau hanyalah mengambil idea Kerajaan iaitu rancangan-rancangan yang telahpun diterangkan oleh Kerajaan daripada satu masa ke satu masa. Jadi, eloklah Ahli Yang Berhormat itu ingat kalau hendak menggunakan modal orang lain, gunakanlah dengan

sempurna; janganlah ambil sana sedikit, sini sedikit, dipinda sana dan dipinda di sini hingga perkara ini menjadi keliru dan tidak memberi gambaran yang sebenarnya kepada rakyat.

Kepada wakil-wakil parti PAS yang ada dalam Dewan ini, saya berseru kepada mereka itu kalau mereka benar-benar menyokong Rancangan Malaysia Kedua ini, dan dengan tulus ikhlas berkehendakkan rakyat terutama sekali orang-orang Melayu, kemajuan-kemajuan yang mereka cita-citakan itu, cara yang baik mereka itu memberi pertolongan ialah dengan memberhentikan dakyah-dakyah yang sia-sia yang mereka jalankan iaitu mengatakan kemajuan-kemajuan itu tidak mustahak kerana tak kekal dan tak boleh di bawa ke akhirat kelak. Sikap dan percakapan semacam inilah yang menghalang kemajuan dan merugikan orang-orang Melayu terutama sekali yang benar-benar memerlukan perubahan dan kemajuan.

Tuan Yang Dipertua,

Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Batu², Bandar Melaka³, Bagan⁴ dan juga setengah Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain telah menuduh iaitu tidak ada rancangan bagi membasmikan kemiskinan di kalangan bukan Melayu. Mereka mendakwa bahawa rancangan-rancangan yang ada hanya menumpu untuk menyelesaikan masalah kemiskinan di luar bandar dan tidak di bandar. Perkara ini telahpun dijawab oleh Timbalan Perdana Menteri tadi tetapi saya suka menegaskan di sini iaitu saya telah kerap kali sebutkan masalah kemiskinan akan diselesaikan tidak mengira kaum dan tidak mengira tempat tinggal mereka. Misalnya, dalam rancangan membantu nelayan-nelayan atau petani-petani, yang juga terdiri daripada orang-orang bukan Melayu, semua golongan itu akan mendapat faedah dari rancangan-rancangan yang disediakan itu. Kaum nelayan seperti juga kaum tani akan mendapat faedah yang lebih besar menerusi program Persatuan Nelayan dan Persatuan Peladang, yang akan memberikan mereka kehidupan yang lebih sempurna.

Di kawasan-kawasan bandar pula, dengan adanya usaha-usaha yang dijalankan oleh Kerajaan samada Kerajaan Pusat dan juga Kerajaan Negeri dan dengan bandar-bandar yang mewakili mereka

² Y.B. Dr Tan Chee Khoon.

³ Y.B. Tuan Lim Kit Siang.

⁴ Y.B. Tuan Tan Cheng Bee.

itu kawasan-kawasan terbiar atau slum, pembaharuan bandar dan rancangan perumahan rakyat akan dapat diadakan, dan ini akan menyenangkan penduduk-penduduk di bandar yang miskin. Mereka juga akan mendapat kemudahan-kemudahan hidup yang lebih luas seperti perkhidmatan perubatan, pelajaran, bekalan air dan kuasa letrik. Langkah-langkah sedang dijalankan bagi memindahkan setinggian-setinggian dari kawasan-kawasan sesak yang setengah-tengahnya kerap kali dilanda banjir masuk ke rumah-rumah pangsa di mana mereka dapat menikmati kehidupan yang lebih bahagia. Yang penting sekali ialah dalam Rancangan Malaysia Kedua ini ialah Rancangan Pembangunan Ekonomi yang semakin berkembang bagi membanyakkan peluang bekerja untuk penduduk-penduduk di luar bandar dan di bandar. Sebahagian dari peluang-peluang bekerja sebanyak 596,000 dalam Rancangan ini akan menguntungkan orang-orang bukan Melayu juga.

Tuan Yang Dipertua,

Saya sukacita bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan ini bersetuju dengan dasar mewujudkan satu golongan perusahaan dan perindustrian di kalangan orang-orang Melayu dan ahli-ahli bumiputra. Maksud kita bukanlah hendak mengadakan golongan kapitalis, tetapi yang penting ialah supaya orang-orang Melayu dan ahli-ahli bumiputra yang lain berpeluang memasuki lapangan ini pada semua lapisan samada sebagai pekerja, pengurus dan executive, pengarah dan juga pemilik-pemilik perusahaan itu. Saya telah sebutkan untuk tadi langkah-langkah tegas akan diambil dan saya telah terangkan juga iaitu untuk mencapai matlamat ini yang kita harapkan akan dapat dijalankan menerusi berbagai-bagai lembaga-lembaga seperti MARA, PERNAS, UDA, Bank Pembangunan yang akan ditubuhkan, Bank Bumiputra dan lain-lain.

Dalam hubungan ini, Jawatankuasa Pelaburan Modal atau C.I.C. mempunyai peranan yang penting dan positif bagi melaksanakan dasar ini. Saya tidaklah bersetuju dengan pandangan Ahli Yang Berhormat dari Muar Dalam⁵ bahawa C.I.C. itu patut dibubarkan, sebaliknya adalah mustahak satu badan yang terdiri dari Menteri-menteri Kanan dan Pegawai-pegawai Kerajaan untuk menyelaraskan kegiatan-kegiatan Kerajaan mengenai pembangunan perindustrian bagi menyelaraskan peraturan-peraturan pentadbiran mengkaji kemungkinan galakan bagi perusahaan baharu dan menjamin

⁵ Y.B. Tan Sri Syed Nasir bin Ismail.

untuk mengekalkan kepercayaan pihak swasta kepada keadaan dan suasana pelaburan modal di negeri ini.

Tidaklah benar seperti dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu bahawa C.I.C. telah meluluskan 476 projek dengan mengenyepikan peraturan-peraturan yang biasa. C.I.C. tidaklah meluluskan projek-projek dengan sendirinya tetapi hanya menyelaraskan dan memperbaiki jentera pentadbiran supaya permohonan-permohonan untuk mendirikan perusahaan dapat diproses dengan seberapa cepat. Projek-projek yang memerlukan sebarang galakan dikemukakan oleh Jawatankuasa Bertindak bagi Galakan yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan dan Perusahaan kepada Kerajaan dan di samping membuat syur-syur mengenai galakan kepada Menteri Perdagangan dan Perusahaan. Dalam hal ini, persetujuan Y.B. Menteri Kewangan perlu juga didapati kerana ada implikasinya dalam hal segi cukai.

Pada amnya projek-projek perusahaan menyediakan di antara 10-20% dari saham modalnya bagi orang-orang Melayu, manakala susunan pekerjaan pula menggambarkan kedudukan bilangan warganegara, iaitu di antara 40-50% daripada mereka yang diberi peluang bekerja adalah orang-orang Melayu dan ahli-ahli bumi-putra yang lain.

Pendek kata, dasar pembangunan perusahaan Kerajaan dan kerja-kerja yang dijalankan oleh C.I.C. dalam dua tahun yang lepas telah memberi keuntungan kepada orang-orang dan golongan Melayu dari segi hakmilik modal dan juga pekerjaan. Pada masa hadapan, C.I.C. akan menggalakkan penyertaan badan-badan seperti MARA, PERNAS dan Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri serta individual yang ingin menceburkan diri dalam rancangan pembangunan perusahaan negara ini.

Tuan Yang Dipertua,

Saya suka juga menerangkan iaitu C.I.C. telahpun mengusahakan pemasaran batek melalui sebuah firma yang khas ditubuhkan bagi tujuan itu. Di samping itu juga C.I.C. menggalakkan penubuhan perusahaan-perusahaan kecil seperti membuat mangga kunci dan electric plug supaya menambahkan lagi peluang-peluang bekerja bagi rakyat Melayu di luar bandar dan langkah ini sudahpun menunjukkan kejayaan.

Begitu juga kita adalah memberi keutamaan kepada pengusaha-pengusaha Melayu dan Bumiputera jika ada pengusaha-pengusaha yang sebenar-benar hendak menjalankan usaha-usaha dalam lapangan perniagaan dan perusahaan.

Dan lagi, perkara yang penting sekali yang patut kita ingat ialah bahawa perusahaan-perusahaan yang besar-besar khasnya perusahaan bagi menjayakan hasil-hasil bumi seperti melombong, perusahaan tanah dan kayukayan akan dijalankan oleh badan-badan Kerajaan seperti PERNAS, MARA dan Lembaga Kemajuan Negeri dan badan-badan ini bukan sahaja memberi peluang kepada orang-orang Melayu dan ahli bumiputra menjalankan perusahaan bahkan saham-saham akan dijual kepada mereka itu, yang bermakna bahawa orang-orang Melayu dan ahli-ahli bumiputra akan sendiri mempunyai dan mengusahakan perusahaan-perusahaan yang penting yang disebutkan itu.

Tuan Yang Dipertua,

Ahli Yang Berhormat dari Payang,⁶ Sarawak, telah membangkitkan soal kekurangan butir-butir dan statistik bagi Malaysia Timur. Sukacita saya menegaskan kepada Ahli Yang Berhormat itu bahawa tindakan sewajarnya akan dibuat untuk memperbaiki keadaan ini terutama sekali berhubung dengan statistik-statistik guna tenaga, pekerjaan dan pengangguran. Kerajaan memang sedar betapa pentingnya mengadakan statistik yang lebih lengkap bagi Malaysia Timur dan juga di Malaysia Barat untuk membuat rangka-rangka perancangan di peringkat negara dan kawasan-kawasan yang lebih lengkap dan berkesan. Kerajaan Persekutuan akan juga memberi pertolongan dengan seberapa yang boleh untuk memperbaiki usaha-usaha perancangan di peringkat negeri terutama bagi Sarawak.

Berhubung dengan Lembaga Pembangunan Bandar, saya suka memberitahu Dewan ini bahawa Lembaga ini akan menjalankan rancangan-rancangannya mula-mula di Ibu Kota Negara ini dan juga kemudian di bandar-bandar yang lain. Pada peringkat mulanya, Lembaga ini akan menumpukan usahanya di Ibu Kota sebelum meluaskan rancangan-rancangan di tempat lain. Selain dari projek-projek yang dibuat dengan cara langsung, Lembaga ini akan bekerjasama dengan badan-badan negeri dan badan-badan lain yang sesuai untuk menjayakan perancangan dan juga

⁶ Y.B. Datuk Abdul Rahman bin Yaakub.

projek-projek pelaksanaan bagi mencapai tujuan-tujuan Dasar Ekonomi Baru Kerajaan dengan lebih sempurna dan lebih berkesan lagi.

Tuan Yang Dipertua,

Menyebut sedikit tentang kecaman Ahli Yang Berhormat dari Ipoh⁷ saya tidak melihat apa baiknya beliau itu menimbulkan keraguan tentang pembahagian peluang-peluang bekerja yang dimaksudkan supaya mencerminkan keadaan penduduk-penduduk di negara ini. Kita semua tahu, buat masa ini, industri-industri hanyalah ditumpukan di bandar pantai barat seperti Kuala Lumpur, Ipoh, Johor Bahru dan Penang; jadi mustahaklah unemploymen distribution pattern mencerminkan keadaan penduduk di Malaysia seluruhnya; bukanlah di tempat-tempat yang tertentu sahaja seperti di Penang ataupun Ipoh. Begitulah pula kalau industri mula berkembang ke negeri-negeri pantai timur kelak, jadi tidaklah timbul persoalan yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Yang Dipertua,

Beberapa orang Ahli Yang Berhormat dalam ucapan-ucapan mereka mengenai Rancangan Malaysia Kedua ini telah membangkitkan perkara-perkara berkaitan dengan bekas-bekas anggota tentera kita. Dalam perkara ini, suka saya menyatakan bahawa Kerajaan sedar akan kesulitan-kesulitan yang dihadapi oleh bekas-bekas angkatan tentera kita dan telahpun mengambil beberapa langkah untuk membantu mereka. Bahagian bekas anggota tentera (Veteran Affairs Division) telahpun ditubuhkan di Kementerian Pertahanan untuk mengkaji masalah-masalah berkaitan dengan pemulihan semula (rehabilitation) bekas-bekas anggota tentera kita. Adalah menjadi harapan Kerajaan bahawa tiap-tiap bekas anggota tentera apabila tamat perkhidmatan mereka itu akan mendapat sesuatu pekerjaan yang sewajarnya yang sesuai bagi mereka. Bagi mencapai matlamat ini, Kerajaan adalah memberi peluang kepada anggota-anggota tentera menjalankan latihan pemulihan selama enam bulan ataupun beberapa masa yang sepatutnya dalam mana-mana satu bidang yang dipilih oleh mereka itu sebelum tamat perkhidmatan untuk membolehkan mereka mendapat pekerjaan yang sempurna. Keutamaan akan diberi kepada mereka itu untuk mendapatkan pekerjaan dalam lapangan perusahaan baik dalam public ataupun private sector.

⁷ Y.B. Tuan R. C. M. Rayan *alias* R. C. Mahadeva Rayan.

Selain daripada itu, Kerajaan juga telah memperuntukkan peratus yang tetap dalam Rancangan-rancangan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan kepada bekas-bekas anggota tentera yang sanggup menyertai dalam rancangan-rancangan itu. Sambutan dari bekas-bekas anggota tentera kepada rancangan-rancangan tanah tidaklah begitu memuaskan. Saya berharap lebih ramai lagi bekas-bekas anggota tentera akan merebut peluang yang diberikan itu.

Selaras dengan dasar Kerajaan hendak membantu bekas-bekas anggota tentera mendapatkan pekerjaan, Kerajaan telah sanggup menimbang permohonan pihak bekas anggota tentera untuk menjahit pakaian-pakaian seragam dan juga membuat songkok bagi anggota-anggota tentera kita. Cadangan ini jika dapat dilaksanakan kelak bukan sahaja akan memberi peluang kepada bekas-bekas anggota tentera kita akan tetapi akan dapat membantu mereka itu dengan sendirinya untuk mencari nafkah hidup mereka dan dapat menggalakkan lebih ramai lagi antara mereka menceburkan diri dalam lapangan perniagaan dan perusahaan.

Tuan Yang Dipertua,

Begitu jugalah perkara yang dibangkitkan berkenaan dengan layanan yang diberi kepada balu dan waris-waris anggota tentera, saya suka terangkan di sini bahawa bantuan-bantuan dengan seberapa boleh adalah diberi kepada mereka itu iaitu bayaran ganjaran, elaun kanak-kanak mereka seramai enam orang sehingga mereka itu berumur tujuh belas tahun.

Begitu juga bantuan sejumlah \$2,000 daripada Tabung Pertahanan adalah diberi kepada mereka itu.

Begitu juga anak-anak bekas anggota tentera juga diberi bantuan dari Tabung Derma Pahlawan Negara untuk perbelanjaan persekolahan. Jadi saya sukalah menegaskan di sini bahawa layanan yang sewajarnya adalah diberi kepada balu dan waris-waris bekas anggota tentera kerana kita sebenar-benar menghargai jasa dan kepentingan mereka itu untuk mempertahankan kedaulatan dan keamanan negara kita.

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan telah juga diminta oleh wakil dari kawasan Larut Utara⁸ menubuhkan sebuah Majlis Perang katanya untuk mengurus

⁸ Y.B. Encik Tajudin bin Ali.

dan mengaturkan segala usaha kita untuk menghapuskan sama sekali ancaman dari pengganas-pengganas komunis yang dihadapi oleh negara. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu saya suka memaklumkan bahawa pada masa sekarang ini sudahpun tertubuh sebuah Majlis Keselamatan yang dipengerusi oleh saya sendiri. Selain daripada itu, diperingkat Kementerian Pertahanan, sebuah Jawatankuasa Perancangan Gerakan (Operation Planning Committee) telah ditubuhkan diwakili oleh semua pihak termasuk pihak Polis Di Raja.

Selanjutnya Tuan Yang Dipertua, Kerajaan sedang sentiasa mengkaji keadaan keselamatan di negara kita dan seperti yang pernah saya katakan dalam perjuangan kita untuk menghapuskan ancaman komunis ini Kerajaan tidak akan teragak-agak untuk mengambil apa juga langkah dan tindakan yang difikirkan perlu. Angkatan Tentera akan diperbesarkan lagi jika keadaan memerlukan Kerajaan mengambil langkah yang sedemikian.

Mr Speaker, Sir,

The Honourable Member for Bandar Melaka called on the Government to stop encouraging rural urban migration until the problem of urban employment was resolved.

The Government has not encouraged an indiscriminate exodus of rural people to the towns. We are aware that given the attractions of the towns and the under-employment situation in rural areas, there will always be a drift of rural people to towns, in search of jobs and a better living.

The Second Malaysia Plan emphasises modernisation of rural areas and fuller rural employment so as to make rural life more attractive and more rewarding. The opening of land, the dispersal of industries, the investments in agriculture, the creation of new growth centres and the spread of modern amenities and facilities to rural areas are all programmes designed to enrich and modernise rural life. Indirectly they help to limit the migration of youths to the towns, where we know unemployment rates are high.

Similarly, Sir, the Plan also places considerable emphasis on increasing the number of urban jobs available to everyone in commerce, manufacturing, transportation, construction and services.

But, Sir, it is also clear that, given our present distribution of the population, the increased Malay participation in urban activities will have to be drawn to some extent from the rural sector if we are to make progress in our national efforts to avoid concentration of racial groups in particular occupations. We also agreed on this objective of eliminating the identification of race with economic functions and for this it is important that people of all races have access to the many thousands of modern urban jobs that will be created under the Second Malaysia Plan.

The Honourable Member for Bandar Melaka has attempted to belittle the Government's past achievements to raise the standard of living of the have-nots by referring to the existence of poverty and unemployment. No one, Sir, can deny that our past efforts have made a significant impact on raising the productivity and income of farmers and providing substantial employment opportunities in both the urban and rural areas. I would say that under any other Government, the country would not have made so much progress as under the Alliance Government, which is strongly committed to development with social justice. Our past achievements have reduced poverty and provided more and more jobs to the rapidly growing labour force.

However, we acknowledge, as stated in the Plan itself, that poverty and unemployment remain serious problems. That is why the eradication of poverty, which includes unemployment, forms one of the two prime objectives of our New Economic Policy. We will strive for even greater results under the Second Malaysia Plan and in subsequent Plans to bring about the reduction and ultimately eradication of poverty as soon as possible.

Now some Honourable Members misunderstood information on employment and manpower which was given in the Plan. For example, the Honourable Member for Batu gave figures to show that 150,000 young people will be entering the labour market each year, instead of the number we have projected in Table 7-2 of the Plan. He took this to suggest that unemployment in 1975 will be higher than projected in the Plan. Now, the true answer, however, is that while 150,000 young people will seek work each year in West Malaysia alone, a large number of those presently employed will drop out of the labour force because of death, retirement and other causes. Thus the annual net increase of the labour force in West Malaysia will average round about 108,000 as stated in the Plan. And this, Sir, is explained fully in Table 7-3 of the Plan.

Similarly, the Honourable Member for Bandar Melaka commented on the different figures on manufacturing employment which were given in the First and Second Malaysia Plans. He implied that the Government is trying to deceive the public, but again, Sir, the answer is very simple. Several statistical surveys have been carried out since the publication of the First Malaysia Plan in 1965. These have enabled us to make better and more up-to-date estimates of employment in various industries. I might add, Sir, that these estimates are being continuously improved with surveys and data collection. A more up-to-date picture will emerge when the data collected in the 1970 census are fully processed.

The Honourable Member for Bandar Melaka has also raised some questions about the Government's employment expansion policy. He asked whether encouraging firms employ more labour was consistent with efficiency, and wondered whether the Government's policy was one of "cheap labour". In reply to the Honourable Member, I would like to reiterate here that we can attain efficiency and rapid employment growth by following the job creation strategy spelled out in Paragraphs 298 to 314 of the Plan. Now in this strategy, the emphasis is on faster overall economic growth, encouragement of labour-intensive industries, rapid land development and expand and improved programmes of education and training. We are going to encourage the setting-up of industries which are labour-intensive as well as to encourage adaptation of labour-intensive techniques for industries in a manner consistent with efficient production and continued growth in productivity. All of these add up to anything but "cheap labour". True, we must keep labour costs at a reasonable level so as to attract the investments which we need for growth. But stable labour costs are quite consistent with rising wages for a rapidly expanding industrial labour force. What is required is constantly increasing levels of productivity. This can be achieved as our workers are well trained, willing and industrious, as they must be, if all our development objective are to be attained.

Mr Speaker, Sir,

I wish to refer to the remarks which have been made in the course of this debate regarding the future of Local Government in this country, and to add to what my colleague the Minister of

Technology, Research and Local Government⁹ has already said. A lot of unnecessary and synthetic heat has been generated on this subject and I do wish that Honourable Members in dealing with this or, indeed, any other subject should take a position only after careful study and not seek to make a political issue of any subject. The commitment of the Government to the practice of democracy is well-known and I need not detail to the House our crucial efforts to bring about the restoration of parliamentary democracy after the most serious onslaught against it two years ago.

However, with regard to Local Government, it has become clear to us after having examined the position as a result of our experience over the last twenty years and after having examined carefully the report of the Royal Commission on Local Government, that with the existence of elected local authorities this small country of ours has in fact been over-governed. We have found that with very few exceptions the elected local authorities have not worked well. There has been no improvement over the years and if at all things have gone from bad to worse. In most cases, the State Governments have found it unavoidable that they should take over these local authorities. The fact is that there are simply not enough people to serve on elected bodies at the local, State and national levels as well. As a result, the elected local authorities have not worked well it is quite clear to us in the Government that it would be a waste of time, money and resources for elections to be conducted at this level when there is full opportunity for the people to participate in the Government during election at the State and national levels.

I believe that the majority of our people are quite happy with this arrangement whereby Local Government would be left in the hands of officials and nominated members who would be able to give their full attention to this matter. As my colleague, the Minister of Technology, Research and Local Government has already stated, the Report of the Royal Commission on Local Government will be tabled before this House and, there will be opportunity for a full debate on the subject; I should also say here that as the Honourable Minister has stated, Local Government is a concurrent subject and there will be full consultation with the State Governments before any final decision is made and implemented.

⁹ Y.B. Datuk Ong Kee Hui.

Tuan Yang Dipertua,

Saya ingin memberi jaminan sekali lagi kepada Dewan ini dan kepada rakyat seluruhnya bahawa Kerajaan akan bersikap adil dalam melaksanakan Rancangan Malaysia Kedua ini. Kerajaan Perikatan yang mewakili sebahagian besar rakyat negara ini dan yang telah diberi mandat untuk mentadbirkan akan menunaikan tanggungjawabnya untuk membawa kebahagiaan dan kemakmoran. Adalah menjadi tugas utama Kerajaan untuk menentukan supaya usaha-usaha pembangunan ini membawa keuntungan kepada semua rakyat daripada berbilang kaum dan golongan masyarakat. Di samping itu adalah menjadi tugas saya untuk menyatakan bahawa Kerajaan akan membetulkan keadaan yang tidak seimbang yang terdapat sekarang ini dan menyusun semula masyarakat Malaysia demi mencapai matlamat dan perpaduan. Kerajaan tidak pernah menyembunyikan sebarang masaalah kerumitan yang mengancam negara ini atau melindungi maklumat atau penerangan yang bersangkutan dengan masaalah-masaalah ini daripada rakyat.

Kami sedar bahawa pembangunan mestilah meliputi semua kaum dan juga insaf bahawa dalam masyarakat kita terdapat orang-orang Melayu dan orang-orang bukan Melayu yang miskin.

Kami juga sedar bahawa masih banyak penduduk-penduduk Malaysia yang belum dapat peluang membaiki keadaan hidup mereka. Kaum tani di luar bandar di seluruh negeri ini, peniaga-peniaga kecil dan penjaja-penjaja di kawasan bandar semuanya mempunyai satu harapan iaitu untuk meninggikan taraf kehidupan masing-masing dan menentukan supaya anak-anak mereka akan menjadi lebih senang berbanding dengan keadaan mereka sekarang.

Rancangan Malaysia Kedua ini adalah bertujuan bagi membolehkan mereka mencapai tujuannya.

Mr Speaker, Sir,

It only remains for me to reply to the Honourable Member for Bungsar¹⁰. The Deputy Prime Minister replied to many parts of his speech and I will not go through the same ground again, but there is one part of the speech of the Honourable Member which I detest and that part of the speech, I consider, was rude, and unbecoming of an Honourable Member of this House. The

¹⁰ Y.B. Encik Goh Hock Guan

Honourable Member has no right to be rude to Members of this Government for not answering supplementary questions. It is laid down under the Standing Orders that questions to Ministers, as explained by the Deputy Prime Minister, must be given notice first. Ministers have the right not to answer questions on matters of which due notice had not been given.

I have advised my colleagues that they should be careful in answering supplementary question, because what Ministers say will be quoted in the Press and will be quoted all over the world. It will be quoted in the future for all time against this Government. A subject matter is very often not the responsibility of one Ministry or Department but of several Ministries and Departments. A Minister cannot be expected to answer a subject matter which is not wholly under his responsibility. On the subject of road accidents, which the Honourable Member raised, it is more the responsibility of the Ministry of Transport and not the Ministry of Works, Posts and Telecommunications, and if in the town it is also the responsibility of the Minister of Technology, Research and Local Government.

Now, I detest the rude and unwarranted remarks which the Honourable Member for Bungsar made against my colleague, the Minister of Works, Posts and Telecommunications. In a democracy, like anything else, there are rules to the games. I would like to warn the Honourable Member that if he is not prepared to abide by the rules of the games, we shall have to deal with him accordingly. He should not regard the D.A.P. as having the monopoly of brains. You cannot govern this country merely through academic arrogance. Academic qualifications only give you a start in life. You need something more, you need character, you need sincerity of purpose to be able to administer a country. Above all, you need experience. D.A.P. members are too new to know even the rules of this House.

We in the Alliance will continue to serve the people sincerely and with full dedication. The people can judge us by our records of the past fourteen years. We have now renewed our vigour and through new perspectives have formulated new policies to resolve new and complex problems that face us. The people will be able to judge us again by our achievements in the future.

We believe in the principles of democracy and we will adhere to these principles and we will take whatever measures necessary to defend democracy against those who desire to make use of democracy in order to destroy democracy. We will play the game according to the rules and for those who do not follow the rules, we will deal with them in the same coin.

Mr Speaker, Sir,

I would like to assure this House once again and the people of this country that the Government will be fair to all in the implementation of this Plan. The Alliance Government, which represents the broad masses of the people in the country, and which has been given the mandate to govern this country, will fulfil the heavy responsibilities placed upon it. We consider it our sacred duty that development for national unity is to benefit all people from all racial groups and social groups. At the same time, I would be failing in my duty not to point out that the Government will be vigorous and determined to correct the imbalances that now exist and to restructure the Malaysian society.

We have not concealed the problems and the difficulties that are confronting the country, nor have we suppressed the facts or information pertaining to these problems. We are fully conscious that development transcends racial barriers and that there are poor Malays and poor non-Malays who are striving hard to earn a decent standard of living and who have families and children to support. We are aware that many are poverty-stricken—the farmers in the rural areas all over the country, the petty traders and hawkers in the urban areas have one aim in common, that is, to raise their own standard of living, and to ensure that their children will be better off than they themselves are today. The plan is designed to help all of them achieve that aim.

Tuan Yang Dipertua,

Dengan keterangan-keterangan yang telah saya berikan dan yang telah diberikan oleh rakan-rakan saya adalah diharapkan keraguan dan kebimbangan yang ditimbulkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat mengenai rancangan ini akan terhapus dengan sendirinya. Saya berharap Dewan ini akan memberikan sokongan sebulat suara kepada rancangan yang amat penting dan mustahak ini yang mana akan merupakan dorongan inspirasi kepada sekalian yang

berkenaan untuk melaksanakannya dengan semangat yang ber-sungguh-sungguh. Dalam tempuh dua tiga tahun akan datang ini, saya yakin dan percaya kita akan dapat memandang ke hadapan kepada satu zaman pembangunan baharu yang memenuhi hasrat dan cita-cita rakyat seluruhnya membawa mereka kebahagiaan dan kemakmoran seperti yang mereka kehendaki. Dengan perkataan-perkataan ini, Tuan Yang Dipertua, saya dengan sukacitanya mengemukakan usul ini.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini dengan sepenuh-penuhnya menyokong Dasar Ekonomi Baharu Kerajaan yang bertujuan pertamanya, mem-basmi kemiskinan tanpa mengira kaum, dan keduanya menyusun semula masyarakat Malaysia bagi mengurangkan jurang perbe-zaan ekonomi antara kaum, meluluskan Rancangan Malaysia Kedua yang dibentuk khususnya bagi mencapai tujuan-tujuan ini melalui pelaksanaan dasar-dasar dan rancangan-rancangan pem-bangunan seperti yang disebutkan di dalam Kertas Perintah No. 28 tahun 1971, dan menyeru kepada semua rakyat Malaysia supaya memberi segala usaha dan keazaman mereka dengan semangat Rukunegara kepada pembentukan satu masyarakat yang adil lagi saksama serta bersatu padu dan progresif.